

Pandemik Covid-19 belum berakhir - PM

UM - 20/7/2020 m/s: 3

Oleh AZMAN IBRAHIM
azman.ibrahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Pandemik Covid-19 masih belum berakhir!

Begitulah peringatan tegas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kepada seluruh rakyat supaya meneruskan amalan norma baharu dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Muhyiddin memberitahu, kebanyakan negara luar masih mencatatkan kes Covid-19 yang tinggi.

Sehingga semalam, katanya, hampir 14.5 juta orang telah dijangkiti virus Covid-19 di seluruh dunia dengan lebih 600,000 kematian dicatatkan.

“Walaupun kes Covid-19 kekal rendah di negara kita, saya agak bimbang dengan kewujudan 13 kluster baharu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

“Contohnya Kluster Restoran Kuala Lumpur dalam kalangan pekerja restoran yang dilaporkan sejak 6 Julai 2020 dan Kluster Stutong yang bermula sejak 18 Julai 2020.

“Selain itu, sejak 7 Julai 2020, terdapat empat kluster baharu yang dikesan berpunca dari mereka yang pulang dari

luar negara iaitu kluster di Sarawak (tiga), Melaka (lima), Terengganu (tiga) dan kluster di Kuala Lumpur sebanyak dua kes,” katanya dalam Perutusan Khas Perkembangan Terkini PKPP yang disiarkan secara langsung di beberapa saluran stesen televisyen tempatan, semalam.

Tambah Muhyiddin, lebih membimbangkan dirinya apabila kes positif Covid-19 telah kembali mencatatkan angka dua digit sejak beberapa hari yang lalu.

Situasi ini, kata beliau, tidak boleh diambil mudah oleh kita semua.

“Saya pasti saudara-saudari tidak mahu kerajaan kembali melaksanakan *lockdown* sekiranya kes-kes Covid-19 meningkat dengan mendadak. Saya juga berdoa dan berharap agar kita tidak perlu sampai ke tahap itu.

“Cukuplah tiga bulan kita semua berkurung di rumah untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19. Ekonomi negara kita terjejas teruk, perniagaan mengalami kerugian dan ramai yang hilang pekerjaan. Sudah tentu kita tidak mahu kembali hidup dalam keadaan *lockdown* se-perti itu,” tegasnya.

Muhyiddin memberitahu, sekiranya berlaku peningkatan kes Covid-19 secara mendadak dan memerlukan kerajaan menguatkuasakan semula PKP, impaknya kepada ekonomi amat besar.

Penutupan semula sektor-sektor ekonomi boleh menyebabkan negara kehilangan sekurang-kurangnya RM2 bilion sehari dan secara langsung menyebabkan kehilangan sumber pendapatan bagi jutaan pekerja di Malaysia.

Berikutan kes yang semakin meningkat, Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu turut menegaskan, kerajaan menimbang mewajibkan pemakaian pelitup muka di tempat-tempat awam.

Kata beliau, perincian mengennainya akan diumumkan apabila peraturan yang berkaitan dimuktamadkan oleh kerajaan.

“Dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan atau PKPP ini, setiap individu, keluarga dan komuniti adalah petugas barisan hadapan atau *frontliners*. Ahli keluarga dan anggota masyarakat mestilah sentiasa nasihat-menasihati dan ingat-mengingati antara satu sama lain,” ujarnya.